

22 FEB 2003

Zainuddin-Solat

ZAINUDDIN MINTA PAS BERHENTI SOLAT HAJAT SELAMATKAN SAR

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin meminta Pas berhenti menganjurkan majlis solat hajat dan munajat bagi menyelamatkan sekolah agama rakyat (SAR) untuk tujuan politik kerana telah terbukti memakan diri sendiri.

"Saya tidak mahu berfikir seperti orang Pas bahawa pembalasan Allah berlaku mengikut sentimen kita atau di mana kita berdiri," katanya kepada Bernama.

Pas mungkin berfikir kemalangan kapal terbang Iran takdir tuhan dan mengangap kemusnahan Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York sebagai pembalasan Tuhan terhadap musuh Islam ataupun orang yang tidak sejalan, katanya.

"Saya tidak membuat perhitungan mengikut sentimen serupa ini, tetapi apa yang harus disedari oleh pemimpin Pas ialah pembalasan dunia ke atas sembahyang hajat dan keceluparan mulut mereka telah terbukti satu demi satu yang dapat dilihat dengan lebih jelas dan nyata oleh rakyat Malaysia.

Akhbar hari ini melaporkan Pas mengadakan majlis solat hajat dan munajat bagi menyelamatkan SAR. Kerajaan Pas Kelantan didakwa menggunakan masjid di negeri itu bagi mengeluarkan arahan supaya umat Islam beramai-ramai menyertai solat hajat itu.

Zainuddin berkata di sebalik sembahyang hajat yang dianjurkan Pas, populariti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri terus menyerlah, mengharumkan nama negara serta mendapat penghormatan dalam dan luar negara terutamanya dari negara Islam sendiri.

Katanya orang Pas seharusnya sedar dan tidak terus dibawa oleh arus sentimen pemimpin mereka.

"Sebenarnya apa yang berlaku sekarang adalah maruah pemimpin Pas telah jatuh begitu rendah dikalangan orang-orang Islam dan bukan Islam di negara ini kerana telah diwarnai oleh kekerasan, keceluparan dan pembohongan dari masa ke semasa," katanya.

-- BERNAMA

MUN AZZ ZB